

**MESYUARAT PENYELARASAN DI ANTARA JAS, SPAN, JPP DAN
IWK BILANGAN 1/2020
PADA 24 FEBRUARI 2020
BERTEMPAT DI :
BILIK CEMPAKA, ARAS 3
JABATAN ALAM SEKITAR, PUTRAJAYA**

Mesyuarat penyelarasan ini diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan dan pematuhan kumbahan di Malaysia antaranya melibatkan polisi dan ketetapan terkini yang perlu dipatuhi oleh premis yang mengendali operasi kumbahan. Perbincangan mesyuarat ini adalah penting bagi memastikan pencemaran yang berpunca daripada kumbahan dapat dicegah atau dikawal agar ianya tidak menjejaskan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Agensi-agensi yang terlibat di dalam mesyuarat adalah:

- i. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya
- ii. Jabatan Alam Sekitar Negeri
- iii. Bahagian Kawalan Pencemaran (BKP), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)
- iv. Bahagian Perkhidmatan Pembetulan, Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli (KATS)
- v. Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP)
- vi. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
- vii. Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd.
- viii. Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia, dan antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah melibatkan :-

- Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.
- Tindakan yang telah diambil di bawah perundangan sedia ada terhadap kes-kes pencemaran yang menyebabkan penutupan loji rawatan air susulan insiden pembuangan haram kumbahan ke dalam pembetulan awam;

- Tindakan susulan yang dilaksanakan bagi mencegah insiden pencemaran yang sama dari berulang berdasarkan ketetapan mesyuarat bersama YBM MESTECC pada 10 Januari 2020 dan notis arahan yang telah dikeluarkan oleh JAS pada tarikh yang sama kepada pihak IWK.
- Status naiktaraf loji di bawah Para (i), status projek perintis penyaluran sisa industri ke dalam saluran pembetungan awam, Perbincangan bersama ahli-ahli mesyuarat mengenai isu-isu yang dibangkitkan di dalam mesyuarat.

Bersama-sama ini disertakan beberapa foto berkaitan mesyuarat seperti di atas.





